

Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporeri JIMK

Journal of Islam and Contemporary Society

<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

[WET NURSING PRACTICE IN ISLAMIC HISTORY]

PENYUSUAN ANAK ORANG LAIN DALAM SEJARAH ISLAM

RAFIDAH ABDUL RAHMAN¹

NAJAH NADIAH AMRAN¹

LATIFAH ABDUL MAJID¹

¹Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor,
MALAYSIA

*Corresponding author: p103804@siswa.ukm.edu.my

Received Date: 9 Mac 2022 • Accepted Date: 30 April 2022

Abstract

Breastfeeding is a natural process bestowed by Allah swt for every newborn human being. Breast milk supplies a variety of nutrients that an infant needs. History has recorded that there has been a practice of wet nursing in human civilization life since ages. Therefore, this study aims to explore the wet nursing practice in Islamic history that has different backgrounds and chronologies. Content analysis approach was utilized in analysing the primary sources such as the texts of hadith, fiqh, history and life of the Prophet. Also during the writing process. The findings of the study shows that wet nursing is recorded in the history of Islam. It is part of Arab community costum. Marriage cases between milk siblings also occurred in Islamic history and they were annulled. This article underlines adoption as a motivation factor for wet nursing practice to establish milk kinship and facilitate daily social affairs between mother and adopted child. In addition, it highlights induced lactation that has long been practiced even without pregnancy and childbirth. To conclude, nowadays generation are encouraged to explore and learn about wet nursing in Islamic history and benefited from the practice.

Keywords: *Breastfeeding, History, Islam, Wet nursing*

Abstrak

Penyusuan susu ibu adalah satu proses semula jadi yang dianugerahkan oleh Allah SWT kepada setiap manusia yang baru dilahirkan. Susu ibu membekalkan pelbagai zat yang diperlukan oleh seorang bayi. Sejarah tamadun manusia telah mencatatkan bahawa telah wujud amalan penyusuan anak orang lain selain ibu kandung. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk melihat amalan penyusuan anak orang lain dalam sejarah Islam yang mempunyai latar belakang dan kronologi kisah yang berbeza. Metodologi penulisan artikel ini ialah kajian kualitatif menggunakan kaedah analisis dokumen dengan merujuk kepada kitab turath dan juga bahan rujukan terkini dalam pelbagai bidang seperti hadis, fiqh, sejarah dan sirah. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa penyusuan anak orang lain yang tercatat di dalam sejarah Islam telah menjadi adat kebiasaan masyarakat Arab serta peristiwa perkahwinan antara mahram susuan juga pernah berlaku dan terpaksa dibubarkan. Kajian ini juga dapat membuktikan bahawa pengangkatan anak juga menjadi pendorong kepada penyusuan anak orang lain bagi mewujudkan hubungan mahram antara ibu dan anak angkat dan memudahkan urusan pergaulan sehari-hari. Selain itu, penyusuan secara cetusan laktasi juga telah lama dilaksanakan walaupun tanpa kehamilan dan kelahiran. Justeru, generasi pada hari ini seharusnya menelusuri sejarah Islam mengenai penyusuan anak orang lain agar dapat dijadikan panduan dalam kehidupan.

Kata kunci: Penyusuan, Anak orang lain, Sejarah, Islam

Cite as: Rafidah Abdul Rahman, Najah Nadiah Amran & Latifah Abdul Majid. 2022. [Wet Nursing Practice in Islamic History] Penyusuan Anak Orang Lain Dalam Sejarah Islam. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 23(1): 95-103.

PENGENALAN

Sepanjang sejarah umat manusia, topik penyusuan anak orang lain sentiasa menjadi titik perbualan atau perbincangan. Walaupun penyusuan anak orang lain mempunyai sejarah tersendiri kepada setiap tamadun manusia, namun tidak dapat dinafikan bahawa amalan ini mampu memberikan kebaikan serta manfaat yang besar kepada bayi serta masih sesuai dibincangkan sehingga kini. Penyusuan anak orang lain ialah bentuk penyusuan susu ibu yang diberikan oleh orang lain selain ibu kandung bayi (Thorley, 2009). Amalan ini menjadi kebiasaan yang dilakukan oleh pelbagai bangsa dan agama di dunia sejak berabad lamanya. Evolusi penyusuan bayi termasuklah dengan penyusuan anak orang lain, penyusuan melalui botol dan penggunaan susu formula (Steven et al., 2009). Sebelum penciptaan susu tiruan atau susu formula pada abad ke-20, masih belum muncul alternatif yang lebih baik selain susu ibu pada ketika itu. Maka, hanya ada tiga kemungkinan yang menjadi pilihan iaitu bayi disusukan oleh ibu kandungnya atau oleh wanita lain atau bayi tersebut akan mati (Zilal, 2015). Penyusuan anak orang lain menjadi satu keperluan kerana kegagalan penyusuan ibu (Wickes, 1952) atau ibu yang meninggal dunia selepas melahirkan (Steven et al., 2009). Sejarah juga menunjukkan bahawa wanita bangsawan Mesir, Rom dan Greek juga mendapatkan khidmat ibu susuan dan pada masa yang sama amalan ini juga menjadi suatu bentuk pekerjaan (Zilal, 2015).

Justeru, kajian ini akan membincangkan mengenai penyusuan anak orang lain dalam lipatan sejarah Islam dengan merangkumi empat kisah yang mempunyai kronologi berbeza dengan dikemukakan rujukan serta pandangan oleh para ulama' silam dan kontemporari.

PENYUSUAN ANAK ORANG LAIN DALAM SEJARAH ISLAM

Sejarah Islam telah mencatatkan beberapa kisah penyusuan anak orang lain yang menjadi asas wujudnya pelbagai hukum dan juga menjadi panduan kepada perkembangan ilmu sehingga hari ini. Oleh itu, terdapat empat kisah penyusuan anak orang lain yang difokuskan dalam penulisan ini. Keempat-empat kisah ini mempunyai tema dan latar belakang yang berbeza yang difokuskan oleh penulis iaitu penyusuan Rasulullah SAW. oleh Thuwaybah dan Halimah al-Sa'diyah, penyusuan 'Uqbah bin Harith oleh seorang hamba perempuan, penyusuan Salim oleh Sahlah bin Suhayl dan juga penyusuan Hasan al-Basri oleh Hindun binti Umayyah.

Penyusuan Anak Orang Lain Sebagai Adat Kebiasaan Masyarakat Arab

Kisah pertama yang tidak asing lagi ialah kisah penyusuan Nabi Muhammad SAW oleh Thuwaybah dan Halimah al-Sa'diyah. Baginda dilahirkan pada pagi Isnin 9 Rabiul Awal iaitu pada Tahun Gajah bersamaan dengan 20 atau 22 April 571M mengikut perkiraan ulama agong Muhammad Sulaiman al-Mansurpuri dan pentahkik falak iaitu Mahmud Pasya (al-Mubarafuri, 2010; Bik, 1988). Penyusuan yang pertama selepas Aminah ialah daripada Thuwaybah iaitu hamba Abu Lahab bersama anaknya bernama Masruh. Dengan demikian, Masruh menjadi saudara susuan dengan Nabi SAW. Thuwaybah juga telah menyusukan Hamzah bin 'Abd al-Muttalib dan juga Abu Salamah bin 'Abd al-Asad al-Makhzumi (al-Mubarafuri, 2010).

Beberapa hari kemudian, 'Abd al-Muttalib mencari perempuan yang bersedia untuk mengambil upah bagi menyusukan cucunya dari kalangan orang Badwi. Pada ketika itu, kabilah Bani Sa'd adalah yang paling masyhur menjalankan urusan penyusuan. Maka, tibalah rombongan kabilah Bani Sa'd untuk urusan mencari siapa yang bersedia menyerahkan anaknya. Individu yang turut terlibat di dalam rombongan itu adalah Halimah al-Sa'diyah. Sudah menjadi adat penduduk Mekah mencari ibu susuan untuk anak mereka supaya anak yang baru dilahirkan dapat menyedut udara dan suasana yang lebih bersih dari unsur bandar yang tidak baik di samping untuk memelihara Bahasa Arab yang betul (Abdul Hadi, 2019). Ahli sirah telah sebulat suara mengatakan bahawa kampung Bani Sa'd ketika itu mengalami kemarau yang teruk (al-Buti, 1983).

Pada awalnya Halimah enggan mengambil Nabi Muhammad SAW sebagai anak susuannya memandangkan baginda seorang anak yatim. Akan tetapi, oleh sebab tiada bayi yang diperolehinya, maka Halimah meminta pendapat suaminya tentang diri Nabi Muhammad SAW. Suaminya bersetuju untuk mengambil Nabi Muhammad SAW menyusu dengannya dan berdoa agar Allah SWT membala jasa-jasa mereka itu. Dalam situasi ini, Halimah sanggup menyusukan Nabi Muhammad SAW selepas mendapat izin dari suaminya kerana izin suami memberi kesan sama ada sah akad penyusuan ini. Jika seseorang isteri mengambil upah atau membuat keputusan untuk menyusukan anak orang lain tanpa persetujuan suaminya, akad upah penyusuan menjadi tidak sah. Oleh itu, suami mempunyai hak untuk menghalang isterinya

daripada menyusukan anak tersebut (Zaydan, 1993; Ibn Qudamah, 1997). Selepas Nabi berada bersama mereka, Allah mengurniakan rezeki yang banyak. Halimah merasakan bahawa susu badannya menjadi penuh sehingga berjaya mengenyangkan Nabi Muhammad SAW dan anak kandungnya yang turut menyusu. Tidak hanya itu, binatang ternakan mereka semakin membiak dan mengeluarkan susu yang banyak (al-Mubarakfuri, 2010; al-Buti, 1983).

Apabila sampai dua tahun berada di pangkuan Bani Sa'd sepatutnya Nabi SAW diserahkan semula kepada keluarganya kerana masa susuannya sudah selesai. Tetapi, Halimah keberatan untuk menyerahkan Nabi SAW kepada keluarganya lantaran kasih dan sayang terhadap kanak-kanak ini dan meminta izin untuk bersama-sama Nabi SAW, kemudian diizinkan sehingga umur baginda mencecah empat tahun (Abdul Hadi, 2019; Bik, 1988).

Justeru, peristiwa penyusuan baginda Rasulullah SAW oleh Halimah iaitu pada masa yang sama sedang menyusui anak kandungnya merupakan adat kebiasaan masyarakat Arab dan amalan biasa bagi seseorang ibu susuan. Susu yang berhasil adalah secara semulajadi iaitu melalui kelahiran anak kandung Halimah dan suaminya. Oleh itu, kisah penyusuan Nabi Muhammad SAW dengan kehadiran ibu susuan ini adalah lebih kepada adat pada waktu itu. Namun, segala peristiwa yang diaturkan ini tidak lain tidak bukan adalah untuk dijadikan contoh untuk umat Nabi Muhammad SAW sepanjang zaman sehingga kini.

Pembubaran Perkahwinan Disebabkan Mahram Susuan

Kisah kedua pula adalah berkenaan penyusuan ‘Uqbah bin Harith oleh hamba perempuan berkulit hitam. Nama beliau ialah ‘Uqbah bin Harith bin Amir bin Nawfal bin ‘Abd Manaf bin Qusay. Ibunya bernama Khadijah atau Umamah binti Iyad bin Rafi’ dari Khuza’ah. ‘Uqbah telah memeluk Islam pada hari pembukaan kota Mekah (Ibn Sa'd, 2001). Beliau telah berkahwin dengan Ummu Yahya namun perkahwinannya terpaksa dibubarkan setelah mengetahui bahawa isterinya adalah mahram susuan dari ibu susuan yang sama. Kisah ini disebut di dalam hadis iaitu:

عَنْ عُقْبَةِ بْنِ الْحَارِثِ أَنَّهُ تَرَوَجَ أَمَّا يَحْيَى بْنَتُ أَبِي إِهَابٍ قَالَ فَجَاءَتْ أُمَّةُ سَوْدَاءُ فَقَالَتْ قَدْ أَرْضَعْتُكُمَا فَذَكَرْتُ ذَلِكَ لِلنَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَأَعْرَضَ عَيْنِي قَالَ فَتَنَحَّيْتُ فَذَكَرْتُ ذَلِكَ لَهُ قَالَ وَكَيْفَ وَقْدَ رَعَمْتَ أَنْ قَدْ أَرْضَعْتُكُمَا فَنَهَاهُ عَنْهَا

Maksudnya: Daripada ‘Uqbah bin al-Harith, beliau telah berkahwin dengan Ummu Yahya iaitu anak perempuan Abi Ihab, kemudian datang seorang wanita iaitu hamba perempuan berkulit hitam lalu berkata: sesungguhnya aku telah menyusui kamu berdua. Peristiwa ini aku ceritakan kepada Nabi SAW, namun beliau berpaling dariku. Kemudian aku bercakap dengan menatap muka dengan baginda lalu aku menceritakan sekali lagi kepada baginda lalu Rasulullah SAW bersabda: Mahu bagaimana lagi? Wanita itu telah mengakui bahawa telah menyusui kamu berdua. Maka, baginda membubarkan perkahwinan ‘Uqbah (al-Bukhari, 1403H, No. 2659, Sahih, Kitab al-Shahadat, Bab Shahadat al-Ima' wa al-'Abid)

Berpandukan hadis di atas, ‘Uqbah bin al-Harith telah berkahwin dengan seorang wanita bernama Ummu Yahya binti Abi Ihab. Apabila didengari oleh seorang hamba beliau berkata: “Aku telah menyusui kamu berdua”. Kemudian ‘Uqbah bersegera menemui Nabi SAW lalu menceritakan apa yang berlaku. Apabila beliau mengadu perkara tersebut kepada Nabi SAW sehingga tiga kali, lalu baginda membubarkan perkahwinan tersebut sekali pun dengan penyaksian seorang wanita hamba (Siti Fatimah, 2015).

Berdasarkan kisah di atas, jelaslah bahawa penyusuan anak orang lain berlaku dalam sejarah umat Islam. Perempuan tersebut merupakan seorang hamba berkulit hitam yang mengaku telah menyusukan ‘Uqbah dan isterinya. Bertitik tolak dari kisah ini, para ulama’ berpandangan bahawa penyaksian oleh seorang wanita iaitu ibu susuan sendiri boleh dijadikan pembuktian bagi mensabitkan mahram susuan. Pandangan ini disokong oleh Tawus, al-Zuhri, al-Auza’i dan Ibn Abi Zi’bi dan merupakan pandangan yang terpilih (Zaydan, 1993). Oleh itu, dalam konteks perkembangan ilmu serta teknologi pada hari ini, pendokumentasian bukti penyusuan amat penting dilaksanakan bagi mengelakkan berlakunya perkahwinan antara mahram susuan.

Penyusuan Anak Angkat yang Telah Dewasa

Kisah penyusuan Salim oleh Sahlah bin Suhayl merupakan amalan penyusuan anak angkat yang telah dewasa. Peristiwa ini disebut di dalam hadis dalam bab penyusuan dewasa. Hadith yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

أَنَّ أَبَا حُدَيْفَةَ بْنَ عُتْبَةَ بْنَ رَبِيعَةَ وَكَانَ مِنْ أَصْحَابِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَكَانَ قَدْ شَهَدَ
بَدْرًا وَكَانَ تَبَّئِنَ سَالِمًا الَّذِي يُقَالُ لَهُ سَالِمٌ مَوْلَى أَبِي حُدَيْفَةَ كَمَا تَبَّئِنَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ
وَسَلَّمَ رَيْدَ بْنَ حَارِثَةَ وَأَنْكَحَ أَبُو حُدَيْفَةَ سَالِمًا وَهُوَ يَرَى أَنَّهُ ابْنُهُ أَنْكَحَهُ بِنْتَ أَخِيهِ فَاطِمَةَ بِنْتَ
الْوَلِيدِ بْنِ عُتْبَةَ بْنِ رَبِيعَةَ وَهِيَ يَوْمَئِنِي مِنْ الْمُهَاجِرَاتِ الْأُولَى وَهِيَ مِنْ أَفْضَلِ أَيَامِي قُرْيَشٍ فَلَمَّا أَنْزَلَ
اللَّهُ تَعَالَى فِي كِتَابِهِ فِي رَيْدِ بْنِ حَارِثَةَ مَا أَنْزَلَ فَقَالَ { إِذْعُوهُمْ لَا يَأْتِيهِمْ هُوَ أَقْسَطُ عِنْدَ اللَّهِ فَإِنْ لَمْ
تَعْلَمُوا آبَاءَهُمْ فَإِخْرُوْنُكُمْ فِي الدِّينِ وَمَوَالِيْكُمْ } رَدَّ كُلُّ وَاحِدٍ مِنْ أُولَئِكَ إِلَى أَبِيهِ فَإِنْ لَمْ يُعْلَمْ أَبُوهُ
رُدَّ إِلَى مَوْلَاهُ فَجَاءَتْ سَهْلَةً بِنْتُ سَهْلٍ وَهِيَ امْرَأَةُ أَبِي حُدَيْفَةَ وَهِيَ مِنْ بَنِي عَامِرٍ بْنِ لُؤَيٍّ إِلَى
رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَتْ يَا رَسُولَ اللَّهِ كُنَّا نَرِي سَالِمًا وَلَدًا وَكَانَ يَدْخُلُ عَلَيَّ وَأَنَا
فُضْلٌ وَلَيْسَ لَنَا إِلَّا بَيْتٌ وَاحِدٌ فَمَاذَا تَرَى فِي شَأْنِي فَقَالَ لَهَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَرْضِيْعِيْهِ
حَمْسَ رَضَعَاتٍ فَيَحْرُمُ بِلَبِنِهَا

Maksudnya: Sesungguhnya Abu Huzayfah bin ‘Utbah bin Rabi’ah yang tergolong dari kalangan sahabat Rasulullah SAW telah menyertai perperangan Badar. Sebelum ini beliau mengambil Salim sebagai anak angkat yang dikenali

sebagai orang suruhan (maula) Abu Huzayfah, seperti mana Rasulullah SAW pernah mengambil Zayd bin Harithah sebagai anak angkat. Abu Huzayfah telah mengahwinkan Salim yang dianggap sebagai anak sendiri dengan anak perempuan saudaranya (anak saudara) Fatimah binti ‘Utbah bin Rabi’ah yang merupakan salah seorang dari golongan Muhajirin pertama dan dia adalah antara balu yang berketurunan Quraish yang terbaik. Setelah turun ayat yang berbicara perihal kedudukan Zayd (sebagai anak angkat Nabi) yang berbunyi, “Panggillah mereka (anak-anak angkat itu) dengan (ber’bin’kan) nama bapa-bapa mereka; itulah yang lebih adil di sisi Allah, dan jika kamu tidak mengetahui nama bapa-bapa mereka, maka (panggillah mereka sebagai) saudara-saudaramu seagama dan maula-maulamu (orang suruhan)”. Maka setiap anak angkat dibinkan kepada nama bapa kandung mereka dan jika tidak kenal pasti bapanya maka mereka dirujuk kepada penjaga mereka. Lantas seorang wanita telah datang kepada Rasulullah SAW yang bernama Sahlah binti Suhayl berketurunan Bani ‘Amir bin Lu’ay merupakan isteri kepada Abu Huzayfah seraya berkata, “Wahai Rasulullah, kami telah menganggap Salim seperti anak kami dan dia sering masuk ke dalam rumahku, sedangkan saya berhajat sedangkan aku tidak memiliki rumah yang lain. Apakah pendapatmu tentang perkara ini?”. Maka Rasulullah SAW bersabda “susukan dia sebanyak lima kali susuan dan ia akan menjadi mahram kamu dengan sebab air susu itu” (Malik, 1985, al-Muwatta’, no hadith 1287, Kitab al-Rada’, Bab ma ja’ a fi al-rada’ah ba’d al-Kibr)

Secara jelasnya, hadis ini berkaitan dengan pensabitan mahram disebabkan hubungan susuan dengan anak angkat yang telah mencapai usia dewasa iaitu melebihi dua tahun. Salim adalah anak angkat kepada Abu Huzayfah dan Sahlah yang telah diasuh sejak kecil. Disebabkan perasaan kasih sayang yang sangat mendalam terhadap Salim, Abu Huzayfah dan isterinya sudah menjadikan Salim seperti anak kandung mereka sendiri. Walau bagaimanapun, setelah turunnya wahyu daripada Allah dalam surah al-Ahzab ayat 4 hingga 5, Sahlah perlu terima bahawa hubungan antara dia dan Salim adalah bukan mahram di antara satu sama lain dan mereka perlu menjaga batas tertentu seperti batasan aurat dan pergaulan.

Sahlah merasakan amat berat hati untuk berpisah dengan anak angkatnya itu dan begitu juga dengan Salim yang sering kali masuk ke dalam rumah Sahlah ketika ketiadaan Abu Huzayfah. Apabila disampaikan permasalahan ini kepada Rasulullah SAW, baginda telah memberi solusi agar Sahlah menyusukan Salim sehingga lima kali kenyang. Jawapan ini telah memberi keringanan kepada Sahlah dan Salim agar mereka boleh menjalani kehidupan seperti ibu dan anak yang mempunyai hubungan pertalian darah (Zilal, 2015). Namun begitu, cara penyusuan yang dilakukan oleh Sahlah adalah dengan memerah susu dan diisi ke dalam bekas atau mangkuk kemudian diberi minum kepada Salim setiap hari sehingga cukup lima hari dan bukannya secara hisapan (al-‘Asqalani, 1995).

Justeru, para fuqaha yang berpendapat bahawa penyusuan dewasa ini tidak menyebabkan hubungan mahram secara mutlak. Hadis Sahlah merupakan khusus untuk Sahlah dan anak angkatnya iaitu Salim sahaja. Pendapat ini dipegang oleh majoriti sahabat Nabi SAW, isteri-isteri Nabi kecuali Aisyah RA dan para ulama tabi’in dan para mujtahid (Hitu, 1994). Secara ringkasnya, kisah penyusuan Sahlah ini menunjukkan bahawa terdapatnya keringanan

hukum bagi seseorang ibu angkat untuk menyusukan anak angkatnya yang sudah dewasa supaya wujud hubungan mahram dan memudahkan urusan sehari-harian.

Penyusuan Tanpa Kelahiran dan Kehamilan (Cetusan Laktasi)

Penyusuan Hasan al-Basri oleh Hindun binti Abi Umayyah adalah satu bentuk penyusuan yang dilakukan secara cetusan laktasi. Hindun binti Abi Umayyah atau lebih dikenali dengan gelaran Ummu Salamah (Ibn Sa'd, 2001) merupakan salah seorang isteri Nabi SAW. Beliau dilahirkan di Mekah tahun ke-28 sebelum penghijrahan Nabi dan wafat pada tahun 62H. Pada mulanya, Ummu Salamah berkahwin dengan Abu Salamah Abdullah bin Abdil Asad al-Makhzumi, seorang sahabat yang agung dengan mengikuti dua kali hijrah iaitu hijrah ke Habsyah dan juga Madinah (al-Zirikli, 2002). Hasil dari perkahwinan mereka dikurniakan empat orang anak iaitu Salamah, 'Umar, Durrah dan Zaynab. Setelah suaminya meninggal pada bulan Jamadilakhir tahun ke-4H, ramai para sahabat yang melamarnya namun Ummu Salamah menolaknya. Akhirnya, Rasulullah telah menikahi Ummu Salamah pada bulan Syawal tahun ke-4H (Ibn Sa'd, 2001).

Nama sebenar Hasan pula ialah al-Hasan bin Abi al-Hassan Yassar al-Basri. Ayahnya bernama Yassar, manakala ibunya bernama Khayrah merupakan pembantu kepada Ummu Salamah, isteri Rasulullah SAW (al-Dhahabi, t.th.). Kedua-dua ibu bapa Hasan adalah hamba sahaya yang dimerdekakan. Hasan al-Basri dilahirkan di Madinah iaitu dua tahun sebelum tamatnya pemerintahan Khalifah Umar al-Khattab iaitu pada tahun 21H bersamaan 642M (al-Khin, 1995; Nasaruddin Umar, 2014). Berdasarkan tarikh-tarikh yang utama dalam riwayat hidup Hasan dan Ummu Salamah, dapat disimpulkan bahawa Ummu Salamah pernah menyusukan Hasan pada usianya sekitar 40-an (Zilal, 2015).

Peristiwa penyusuan oleh Ummu Salamah terjadi ketika ibu Hasan iaitu Khayrah seringkali keluar dari rumah untuk memenuhi keperluan Ummul Mukminin menyebabkan Hasan kerap menangis kelaparan. Melihat keadaan bayi itu, maka Ummul Mukminin meletakkan bayi itu di pangkuannya lalu disusui supaya diam (al-Mizzi, 1985). Disebabkan rasa kasih dan cintanya terhadap bayi itu, Ummu Salamah mampu mengeluarkan air susu yang kemudian diminum oleh Hasan hingga merasakan kenyang dan diam dari tangisannya (Nasaruddin Umar, 2014). Berdasarkan tarikh kelahiran, Hasan dilahirkan selepas kewafatan Nabi SAW, iaitu pada zaman pemerintahan 'Umar al-Khattab. Pada ketika itu, Ummu Salamah pula tidak mempunyai anak selepas perkahwinannya dengan Nabi SAW. Terbuktilah bahawa Ummu Salamah mampu menghasilkan susu ibu hanya dengan hisapan yang kerap oleh Hasan disertai dengan rasa kasih sayang terhadap bayi yang menangis kelaparan (Zilal, 2015).

Kisah penyusuan oleh Ummu Salamah ini menunjukkan bahawa amalan cetusan laktasi sudah diamalkan sejak 1400 tahun dahulu. Melalui kisah ini, ternyata penyusuan susu ibu boleh berlaku walaupun tanpa melalui proses kehamilan dan kelahiran. Ummu Salamah telah berjaya mengeluarkan susu ibu dengan hanya memberi Hasan menghisap di payudaranya berkali-kali sedangkan pada ketika itu Ummu Salamah tidak mempunyai anak kandung yang masih kecil untuk disusui. Menurut sains, susu ibu dapat dihasilkan melalui dua kaedah cetusan laktasi iaitu dengan rangsangan dan juga simulasi hormon. Bagi kaedah rangsangan, terdapat beberapa cara yang digunakan bagi merangsang penghasilan susu iaitu melalui hisapan bayi, urutan, sentuhan kulit, perahan tangan atau menggunakan pam susu. Kemudian bagi kaedah simulasi hormon

pula adalah melibatkan penggunaan ubat-ubatan farmaseutikal (Zilal et al., 2014). Justeru, kisah penyusuan Ummu Salamah terhadap Hasan berlaku kerana hisapan bayi yang akhirnya mencetuskan pengeluaran susu badannya. Gambar rajah di bawah merupakan ringkasan daripada tema-tema penyusuan anak orang lain berdasarkan empat kisah:



Rajah 1: Penyusuan Anak Orang Lain dalam Sejarah Islam

KESIMPULAN

Berpandukan keempat-empat peristiwa ini, dapatlah difahami bahawa amalan penyusuan oleh ibu susuan telah wujud di dalam sejarah Islam. Justeru, amalan dan bentuk penyusuan anak orang lain yang pernah dicatatkan dalam sejarah Islam adalah kerana adat kebiasaan masyarakat, pengambilan anak angkat bagi mewujudkan hubungan mahram dan juga cetusan laktasi bagi ibu yang tidak hamil dan tidak melahirkan bayi. Selain itu, peristiwa perkahwinan antara mahram susuan juga pernah berlaku dan ikatan perkahwinan terpaksa dibubarkan. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa amalan penyusuan anak orang lain adalah diterima oleh Islam dan sesuai diaplikasikan pada zaman kontemporari ini kerana khasiat yang terkandung di dalam susu ibu sangat penting bagi membekalkan gizi yang diperlukan untuk kesihatan bayi terutamanya bayi pramatang. Generasi pada hari ini seharusnya merujuk sejarah Islam mengenai penyusuan anak orang lain agar menjadi salah satu sumber penting selepas al-Quran dan hadis untuk menelusuri pelbagai khazanah ilmu dan dapat menemui pelbagai rahsia di sebalik peristiwa yang telah berlaku.

RUJUKAN

- Abdul Hadi Awang. (2019). *Fiqh al-Harakah dari Sirah Nabawiyyah*. Selangor: Dewan Pustaka Fajar.
- Al-‘Asqalani, Ibn Hajar. (1995). *al-Isabah fi Tamyiz al-Sahabah*. Bayrut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Bik, Muhammad al-Khudhari. (1988). *Nur al-Yaqin fi Sirah Sayyid al-Mursalin*. Dimasyq: Dar al-Iman.
- al-Bukhari, Muhammad bin Ismail. (1403H). *al-Jami’ al-Sahih*. Al-Qhirah: Matba’ah al-Salafiyyah.
- al-Buti, Sa’id Ramadan. (1983). *Fiqh al-Sirah al-Nabawiyyah*. Bayrut: Dar al-Fikr al-Mu’asir.
- al-Dhahabi, Muhammad bin Ahmad (t.th.). *Siyar A’lam al-Nubala’*. al-Sa’udiyyah: Bayt al-Afkar al-Dawliyyah.
- Hitu, Muhammad Hasan. (1994). *al-Imta’ fi Ahkam al-Radha’*. Bayrut: Dar al-Basha’ir al-Islamiyah.
- Ibn Qudamah, ‘Abdullah bin Muhammad. (1997). *al-Mughni. al-Qahirah*: Dar ‘Alam al-Kutub.
- Ibn Sa’d, Muhammad al-Zuhri. (2001). *al-Tabaqat al-Kubra*. al-Qahirah: Maktabah al-Khanji.
- al-Khin, Mustafa Said. (1995). *al-Hassan bin Yassar al-Basri: al-Hakim al-Wa’iz al-Zahid al-‘Alim*. Dimasyq: Dar al-Qalam.
- Malik bin Anas. (1985). *al-Muwatta’*. Bayrut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi.
- al-Mizzi, ‘Abd al-Rahman bin Yusuf. (1985). *Tahzib al-Kamal fi Asma’i al-Rijal*. Bayrut: Mu’assasah al-Risalah.
- Al-Mubarafuri, Safiy al-Rahman. (2010). *al-Rahiq al-Makhtum*. al-Mansurah: Dar al-Wafa’.
- Nasaruddin Umar. (2014). *Islam Fungsional: Revitalisasi & Reaktualisasi Nilai-nilai Keislaman*. Jakarta: PT Gramedia.
- Siti Fatimah Salleh. (2015). Pengambilkiraan faktor perubahan sosial dalam fiqh semasa: analisis terhadap isu-isu fiqh wanita. Tesis Doktor Falsafah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Steven, E.E., Patrick, T.E. & Pickler, R. (2009). A history of infant feeding. *The Journal of Perinatal Education* 18(2): 32–39. doi:10.1624/105812409x426314
- Thorley, V. (2009). Mothers’ experiences of sharing breastfeeding or breastmilk: co-feeding in Australia 1978–2008. *Breastfeeding Review: Professional Publication of the Australian Breastfeeding Association* 17(1): 9-18.
- Wickes, I.G. (1952). A history of infant feeding: Part I: Primitive peoples, ancient works, renaissance writers. *Archives Of Disease in Childhood* 28(138): 151-158.
- Zaydan, ‘Abd al-Karim. (1993). *Al-Mufassal fi Ahkam al-Mar’ah wa al-Bayt al-Muslim*. Bayrut: Mu’assasah al-Risalah.
- Zilal Saari & Farahwahida Mohd. (2014). Penyusuan Anak Angkat: Satu Analisis. Kertas Kerja Persidangan Antarabangsa Kekeluargaan dari Perspektif Global 2014 (ICFI 2014), Johor Bahru, 13 Februari.
- Zilal Saari. (2015). Model garis panduan penyusuan anak angkat menurut perspektif fiqh dan sains. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Teknologi Malaysia.
- al-Zirikli, Khayr al-Din. (2002). *al-‘Alam*. Bayrut: Dar al-‘Ilm li al-Malayin.